



TIPS &
TEKNIK
MENJAWAB
PERNIAGAAN
SPM
(KERTAS 2)



DISEDIAKAN OLEH:

CIKGU NUR



JOM KAJI DULU APA YANG ADA DALAM KERTAS 2?

“tak kenal maka tak cinta”

Kertas 2 – Jumlah 135 minit – 5 minit (Analisis) = 130 minit

BAHAGIAN A	BAHAGIAN B	BAHAGIAN C
(50 markah) 65 minit / 5 soalan = 13 minit setiap soalan	(30 Markah) 40 minit / 2 soalan = 20 minit setiap soalan	(20 markah) 25 minit
Arahan: Jawab lima soalan daripada bahagian ini (enam soalan).	Arahan: Jawab dua soalan daripada bahagian ini (tiga soalan).	Arahan : Soalan ini wajib di jawab.
(10 markah untuk setiap soalan)	(15 markah untuk setiap soalan)	(20 markah untuk satu soalan)



PERUNTUKAN SOALAN BERDASARKAN SPM 2018 & 2019

BAHAGIAN A

SOALAN 1, 2 & 3
(TOPIK TINGKATAN 4)

SOALAN 4, 5 & 6
(TOPIK TINGKATAN 5)

BAHAGIAN B

SOALAN 7, 8 & 9
(TOPIK CAMPURAN
TINGKATAN 4 & 5)

****ADA SOALAN
PENGIRAAN****

BAHAGIAN C

SOALAN 10
(TOPIK CAMPURAN
TINGKATAN 4 & 5)

****KAJIAN KES****



TEKNIK MENULIS JAWAPAN KERTAS 2 PERNIAGAAN SPM

Bentuk
Penulisan

- Esei/
Perenggan
- Point

Kepala Ayat

- Elak kehilangan markah pada soalan
situasi

Situasi/Stimulus

- Mesti kaitkan situasi soalan dengan cadangan
jawapan

Kata Tugas


- Peka dengan jenis kata tugas
soalan

Kehendak
Soalan

- Memahami kehendak
soalan



APAKAH ITU KATA TUGAS?



APAKAH ITU KATA TUGAS?

BERI PENDAPAT +
HURAIAN

SYORKAN/
SARANKAN/
CADANGKAN

JELASKA
N KESAN

HURAIAN
(POSITIF/
NEGATIF)

LAKARKA
N

LUKIS/
LABELKAN
DENGAN
LENGKAP

KATA
TUGA
S

BERIKAN 1
ATAU 2 CARA/
HURAIAN
KEPADA CARA
YANG DIPILIH

BAGAIMANA
KAH

SEJAUH
MANAKAH/BERI
KOMEN/
PENDAPAT

KOMEN
(POSITIF/
NEGATIF)

TENTUKA
N

BUAT
PILIHAN/
KEPUTUSAN



CONTOH SOALAN (BAHAGIAN A)



CONTOH SOALAN

1. Huraikan kriteria yang menentukan saiz perniagaan perkilangan berdasarkan jumlah bilangan pekerja. [5 markah]

Jumlah bilangan pekerja yang menentukan saiz perniagaan ialah

1FAKT • Sesebuah perniagaan yang melebihi 200 orang pekerja dianggap sebagai perniagaan
A bersaiz besar.

1FAKT • Sesebuah perniagaan yang mempunyai 5 hingga kurang daripada 75 orang pekerja ialah
A perniagaan bersaiz kecil.

1HURAIAN Sesebuah perniagaan bersaiz besar biasanya mengeluarkan produk yang banyak untuk
N pasaran yang lebih luas berbanding perniagaan bersaiz kecil.

1HURAIAN Perniagaan bersaiz besar mempunyai jabatan untuk menjalankan pengeluaran. Oleh itu
N perniagaan yang bersaiz besar memerlukan bilangan tenaga kerja yang ramai berbanding dengan perniagaan bersaiz kecil.

1CONTO Contoh perniagaan bersaiz besar ialah PROTON Holdings Berhad yang mempunyai
H 12,000 orang pekerja.



CONTOH SOALAN

Terangkan **dua** aspek pertumbuhan perniagaan.
[4 markah]

Dua aspek pertumbuhan perniagaan ialah

1FAKT • Merancang membuka cawangan yang banyak.

Δ

1HURAIA

N

Keuntungan perniagaan boleh dijadikan modal pelaburan untuk membuka cawangan perniagaan.

1FAKT • Membesarkan perniagaan sedia ada.

Δ

1HURAIA

N

Keuntungan perniagaan boleh diguna membesarkan perniagaan sedia ada untuk menampung pertambahan kuantiti produk yang ingin dijual.



CONTOH SOALAN

Rajah di bawah menunjukkan sejenis saluran agihan.
Jelaskan saluran agihan tersebut.

[3 markah]



Saluran agihan tersebut ialah

HURAIAN 1 saluran pemasaran langsung.

HURAIAN 2 Ia menunjukkan hubungan secara langsung yang berlaku diantara pengeluar dan pengguna.

HURAIAN 3 Dalam saluran ini, tiada orang tengah yang digunakan sebagai pengantara diantara pengeluar dan pengguna.



CONTOH SOALAN

Maklumat di bawah menunjukkan misi Telekom Malaysia Berhad.

Menjadi sebuah organisasi yang memberi tumpuan kepada pelanggan dan menyediakan penyelesaian setempat yang menyeluruh.
Mengapakah organisasi perlu menetapkan misi perniagaan?
[3 markah]

Telekom Malaysia Berhad perlu menetapkan misi perniagaan kerana

HURAIAN

1

Untuk menerangkan aktiviti yang dijalankan oleh organisasi pada masa sekarang

HURAIAN

2

Untuk membantu mengagihkan sumber kepada setiap jabatan.


HURAIAN

3

Untuk menyediakan satu asas bagi menetapkan objektif



AWAS!!!! XXXXXX



Tidak kaitkan dengan situasi

Organisasi perlu menetapkan misi perniagaan kerana

HURAIAN

1

Untuk menerangkan aktiviti yang dijalankan oleh organisasi pada masa sekarang

HURAIAN

2

Untuk membantu mengagihkan sumber kepada setiap jabatan.

HURAIAN

3

Untuk menyediakan satu asas bagi menetapkan objektif



3Markah - 1



CONTOH SOALAN BERKAIT

Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Marina yang membekalkan alat tulis.

Syarikat Marina merupakan sebuah syarikat yang membekalkan pelbagai alat tulis kepada kedai buku yang berada di sekitar kawasan Kuala Kertil, Kedah. Encik Hamid merupakan pengurus pemasaran bagi syarikat ini telah menetapkan satu objektif yang baharu iaitu “berusaha untuk menambahkan jualan produk alat tulis dalam masa setahun”

- a) Apakah ciri objektif yang gagal dipenuhi oleh Syarikat Marina? Jelaskan. [3 markah]
- b) Bagaimanakah objektif tersebut boleh diubah suai supaya dapat memenuhi ciri objektif yang anda cadangkan di (a)? [1 markah]



1FAKT

A

a) Ciri objektif yang gagal dipenuhi oleh Syarikat Marina ialah boleh diukur. Objektif Syarikat Marina tidak boleh diukur dalam bentuk angka, nombor, masa atau wang. Objektif tersebut bukan dalam bentuk objektif.

1HURAIA

N

1HURAIA

N

b) Objektif yang diubah suai dicadangkan bagi memenuhi objektif yang boleh diukur ialah “berusaha untuk menambahkan jualan produk alat tulis sebanyak 25% dalam masa setahun”.


1HURAIA

N



AWAS!!!!XX

XX



Tidak kaitkan dengan situasi

a) Ciri objektif yang gagal dipenuhi oleh organisasi ialah boleh diukur. Objektif organisasi tidak boleh diukur dalam bentuk angka, nombor, masa atau wang. Objektif tersebut bukan dalam bentuk kuantitatif.

b) Objektif yang ubah suai dicadangkan bagi memenuhi objektif ialah “berusaha untuk menambahkan jualan produk alat tulis sebanyak 25% dalam masa setahun”.



4Markah - 1



**CONTOH SOALAN
(BAHAGIAN B & C)**



CONTOH SOALAN

Jelaskan ciri-ciri pembungkusan yang baik?
[3 markah]



Ciri-ciri pembungkusan yang baik ialah:

- Pembungkusan berwarna menarik dan berwarna warni.
- Pembungkusan menggambarkan imej yang baik dan mudah dikenali
- Cara pembungkusan yang selamat

3 Markah



Ciri-ciri pembungkusan yang baik ialah:

- Dari segi warna
- Menggambarkan imej
- Selamat

0 Markah



CONTOH SOALAN

Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Fatyha.

Puan Fatyha menguruskan perniagaan Happy Home yang menawarkan perkhidmatan dekorasi dalaman untuk premis kediaman dan premis perniagaan. Maklumat perniagaannya adalah seperti berikut:

- Menyediakan perkhidmatan terus kepada pelanggan
- Dijalankan sepenuhnya secara atas talian tanpa premis perniagaan
- Dibantu oleh lima orang pekerja

Seorang rakannya, Puan Murni menawarkan diri untuk menjadi rakan kongsi tetapi Puan Fatyha menolak. Dia lebih selesa dengan bentuk pemilikan sedia ada.

- (a) Anda berpendapat cara Puan Fatyha mengendalikan perniagaannya adalah bijak.
Kemukakan alasan anda. [8 markah]
- (b) Mengapakah Puan Fatyha menolak tawaran Puan Murni? [7 markah]



CONTOH JAWAPAN



a) Puan Fatyha mengendalikan perniagaannya dengan bijak kerana :

HURAIAN

Menggunakan kemudahan teknologi maklumat untuk menjalankan perniagaan

HURAIAN

Menggunakan kaedah pemasaran dalam talian

HURAIAN

Membolehkan pelanggan memperolehi maklumat dengan segera

HURAIAN

Maklumat perniagaan boleh disampaikan secara menarik

HURAIAN

Membolehkan liputan pasaran semakin meluas

HURAIAN

Menjimatkan kos perniagaan kerana tidak perlu menyewa premis

HURAIAN

Aktiviti perniagaan boleh dijalankan dengan cepat

HURAIAN

Mengiklankan perniagaan melalui laman sosial



CONTOH JAWAPAN



a) Puan Fatyha mengendalikan perniagaannya dengan bijak kerana :


- KJ • Teknologi maklumat
- KJ • Kaedah pemasaran
- KJ • Maklumat
- KJ • Maklumat perniagaan
- KJ • Liputan pasaran
- KJ • Kos perniagaan
- KJ • Aktiviti perniagaan
- KJ • Mengiklankan perniagaan



CONTOH JAWAPAN PILIHAN

b) Puan Fatyha menolak tawaran Puan Murni kerana :


- Perniagaan milikan tunggal mudah diurus
- Saiz perniagaan yang kecil
- Bilangan pekerja yang tidak ramai
- Bebas menguruskan perniagaan
- Keuntungan adalah milik sendiri sepenuhnya
- Tidak dipengaruhi oleh pihak ketiga
- Dapat membuat keputusan dengan segera



KELEBIHAN MILIKAN
TUNGGAL

ATA

- Terikat dengan perjanjian perkongsian
- Wujud perselisihan faham
- Mudah terubur
- Keuntungan dibahagikan dengan rakan kongsi
- Sukar membuat keputusan
- Tindakan rakan kongsi menjejaskan imej perniagaan
- Perniagaan sukar diteruskan



KELEMAHAN
PERKONGSIAN



CONTOH SOALAN KIRA-KIRA

8. Jadual 1 menunjukkan maklumat yang dipetik daripada penyata kewangan dua buah perniagaan kedai buku bagi tempoh enam bulan pertama.

Butiran	Dynamic Book Store (RM)	D'Buku Enterprise (RM)
Kos jualan	40000	60000
Untung bersih	25000	45000
Modal awal	100000	150000
Aset semasa	25000	50000
Liabiliti semasa	20000	25000
Stok purata	12000	15000

(a) Perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan menggunakan analisis nisbah asas? [6 markah]

ANALISIS NISBAH ASAS

1) ANALISIS NISBAH UNTUNG :

$$\text{PERATUS PULANGAN ATAS MODAL} = \frac{\text{UNTUNG BERSIH}}{\text{MODAL AWAL}} \times 100\%$$

2) ANALISIS NISBAH KECEKAPAN :

$$\text{PUSING GANTI STOK} = \frac{\text{KOS JUALAN}}{\text{STOK PURATA}}$$

3) ANALISIS NISBAH KECAIRAN :

$$\text{NISBAH SEMASA} = \frac{\text{ASET SEMASA}}{\text{LIABILITI SEMASA}}$$



CONTOH JAWAPAN 1

ANALISIS NISBAH UNTUNG 1m

$$1m \text{ PURATA PULANGAN ATAS MODAL} = \frac{\text{UNTUNG BERSIH}}{\text{MODAL AWAL}} \times 100\% \quad 1m$$

$$\text{Dynamic Bookstore} = \frac{25000}{100000} \times 100\%$$

$$= \underline{25\%} \quad 1m$$

$$\text{D'Buku Enterprise} = \frac{45000}{150000} \times 100\%$$

$$= \underline{30\%} \quad 1m$$

Ulasan : Berdasarkan analisis nisbah untung tersebut perniagaan yang mempunyai prestasi yang lebih baik ialah D'Buku Enterprise

1m

CONTOH JAWAPAN 2

ANALISIS NISBAH KECAIRAN 1m

$$1m \text{ NISBAH SEMASA} = \frac{\text{ASET SEMASA}}{\text{LIABILITI SEMASA}} \quad 1m$$

$$\text{Dynamic Bookstore} = \frac{25000}{20000}$$

$$= \underline{\mathbf{1.25 : 1}} \quad 1m$$

$$\text{D'Buku Enterprise} = \frac{50000}{25000}$$

$$= \underline{\mathbf{2 : 1}} \quad 1m$$

Ulasan : Berdasarkan analisis nisbah kecairan tersebut, perniagaan yang mempunyai prestasi yang lebih baik ialah D'Buku Enterprise

1m



CONTOH JAWAPAN 3

ANALISIS NISBAH KECEKAPAN 1m

$$1m \text{ PUSING GANTI STOK} = \frac{\text{KOS JUALAN}}{\text{STOK PURATA}} \quad 1m$$

$$\text{Dynamic Bookstore} = \frac{40000}{12000}$$

$$= \underline{\mathbf{3.33 \text{ KALI}}} \quad 1m$$

$$\text{D'Buku Enterprise} = \frac{50000}{15000}$$

$$= \underline{\mathbf{4 \text{ KALI}}} \quad 1m$$

Ulasan : Berdasarkan analisis nisbah asas tersebut perniagaan yang menunjukkan prestasi yang lebih baik ialah D'Buku Enterprise

1m

CONTOH SOALAN PENGIRAAN DAN LAKARKAN

- 10 Syarikat Kasut Selesa Sdn. Bhd. (SKSSB) merupakan syarikat yang menghasilkan kasut berasaskan kulit. Syarikat ini beroperasi di Kawasan Perindustrian Senai, Johor. Mulai tahun 2017 pihak syarikat telah memperkenalkan produk baharu iaitu kasut kesihatan yang berkonsepkan 'gaya, anggun dan sihat'. Kasut tersebut dijual dengan harga RM250 sepasang. Pihak syarikat memerlukan modal tambahan sebanyak RM100 000 untuk pembelian mesin baharu dan pengubahsuaian kilang. Pihak syarikat telah menerima tawaran pinjaman daripada dua buah bank. Maklumat tawaran pinjaman daripada kedua – dua buah bank tersebut adalah seperti berikut:

Butiran	Bank XX	Bank MM
Jumlah pinjaman	RM100 000	RM100 000
Faedah pinjaman (setahun)	5.5% (Kadar tetap)	4.9% (Kadar berubah)
Tempoh pinjaman (tahun)	5	7
Cagaran	Tinda	Ada

Kasut kesihatan keluarannya dipasarkan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Selain itu, syarikat juga menerima tempahan kasut kesihatan sebanyak 6 000 pasang daripada Kilang Harapan. Kilang tersebut memberi tempoh sebulan untuk syarikat menyiapkan tempahan kasut kesihatan itu. Justeru semua pekerja di bahagian pengeluaran diarahkan untuk bekerja lebih masa dan permohonan cuti dibekukan. Pengurus pengeluaran dikehendaki mengeluarkan notis berkenaan dan tiada seorang pun pekerja di bahagian pengeluaran dibenarkan berecuti dalam tempoh tersebut.

Pihak pengurusan syarikat meminta pengurus kewangan membust analisis Titik Pulang Modal (TPM) bagi membantu pihak pengurusan syarikat membuat perancangan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran kasut tersebut.

Kos Berubah sepasang kasut	: RM170
Kos Tetap	: RM100 000

Pengurus pemasaran mendapati harga kasut kesihatan tersebut lebih tinggi berbanding dengan harga kasut kesihatan yang dikeluarkan oleh syarikat pesaing di pasaran. Beliau mencadangkan agar harga kasut tersebut dirangkan tetapi tidak dipersetujui oleh pengurus kewangan.

- (c) (i) Hitung kuantiti minimum kasut yang perlu dihasilkan oleh syarikat tersebut dalam situasi Titik Pulang Modal. [2 markah]
- (ii) Lakarkan graf Titik Pulang Modal berkenaan. [3 markah]
- (iii) Dengan menggunakan graf yang sama, lorekkan kawasan keuntungan sekiranya syarikat ingin mengeluarkan kasut kesihatan sebanyak 110 unit melebihi Titik Pulang Modal. [2 markah]

CONTOH JAWAPAN

$$\text{c) i. Titik Pulang Modal} = \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Harga Jualan} - \text{Kos Berubah Seunit}} \quad 1\text{m}$$


$$= \frac{100000}{250 - 170}$$

$$= \underline{\mathbf{1250 \text{ unit}}} \quad 1\text{m}$$



CONTOH JAWAPAN

c) ii. & iii.



BAGAIMANA UNTUK ANDA TARGET CEMERLANG???

Julat Markah/ Gred / Catatan

- 90 – 100 : A + : Cemerlang Tertinggi
- 80 – 89 : A : Cemerlang Tinggi
- 70 – 79 : A – : Cemerlang
- 65 – 69 : B + : Kepujian Tertinggi
- 60 – 64 : B : Kepujian Tinggi
- 55 – 59 : C + : Kepujian Atas
- 50 – 54 : C : Kepujian
- 45 – 49 : D : Lulus Atas
- >40 – 44 : E : Lulus
- 0 – 39 : G : Gagal
- TH : TH : Tidak Hadir

YOUR
MISSION!!

PENGIRAAN MARKAH

KERTAS	PERATUSAN	WAJARAN	MARKAH PENUH
KERTAS 1 (3766/1)	20%	40/40 X 20%	100%
KERTAS 2 (3766/2)	60%	100/100 X 60%	
KERTAS 2 (3766/2)	20%	80/80 X 20%	

KERTAS	PERATUSAN	WAJARAN	MARKAH PENUH
KERTAS 1 (3766/1)	20% 30/40 0	30/40 X 20%	15
KERTAS 2 (3766/2)	60% BAHAGIA NA 30/5 BAHAGIA NB 20/3 BAHAGIA NC 14/20	64/100 X 60%	38
KERTAS 2 (3766/2)	20% 18/20	18/20 X 20%	18

71 (A-)



Cikgu Nur mengucapkan....

